

EPU (S). 13-13/14/1

TINDAKAN SERTA-MERTA

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

GARIS PANDUAN

**PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KETIGA BELAS (RMK13)
DAN PERMOHONAN PROJEK PEMBANGUNAN TAHUN 2026-2030**

KEMENTERIAN EKONOMI

MALAYSIA

ISI KANDUNGAN

| | | |
|-----------|---|-----------|
| 1. | Tujuan | 1 |
| 2. | Prestasi Ekonomi Negara Dalam Tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas | 2 |
| 2.1. | Pencapaian Ekonomi Semasa | 2 |
| 2.2. | Pencapaian Matlamat Pelbagai Dimensi, 2021-2025 | 3 |
| 2.3. | Unjuran Ekonomi Bagi Baki Tempoh RMKe-12 (2024-2025) | 4 |
| 3. | Pemantauan Prestasi Pelaksanaan RMKe-12 | 4 |
| 3.1. | Pemantauan Dasar, Strategi dan Pelaksanaan Inisiatif PPD | 5 |
| 4. | Hala Tuju dan Sasaran Pertumbuhan Ekonomi RMK13 | 6 |
| 4.1. | Prospek Ekonomi | 6 |
| 4.2. | Isu dan Cabaran | 7 |
| 4.3. | Tumpuan dan Keutamaan Perancangan Dasar RMK13 | 8 |
| 5. | Pendekatan Pelaksanaan dan pemantauan Dasar dan projek RMK13 | 9 |
| 5.1 | Struktur Kumpulan Perancang Antara Agensi (IAPG) dan Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) RMK13 | 9 |
| 5.2 | Pemantauan Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD) | 10 |
| 6. | Penyediaan Program/projek RMK13, 2026-2030 | 11 |
| 6.1 | Pendekatan Baharu Mengemukakan Permohonan Projek RMK13 | 11 |
| 6.2 | Kriteria Pemilihan Projek | 16 |
| 6.3 | Pelaksanaan Gerbang Tunggal (<i>Single Window</i>) bagi Projek Kerjasama Awam Swasta dan <i>Special Purpose Vehicle</i> (SPV) | 18 |

| | | |
|-----------|---|-----------|
| 7. | Pematuhan Dasar dan Peraturan Umum | 19 |
| 7.1 | Peringkat Permohonan Program/Projek | 19 |
| 7.2 | Peringkat Pasca Kelulusan dan Pelaksanaan Projek | 28 |
| 8. | Pertanyaan Berhubung RMK13 dan Permohonan Projek Tahun 2026-2030 | 30 |
| 9. | Penutup | 31 |
| | Lampiran | 33 |
| • | Definisi Faktor Kecemasan dan Kritikal Bagi Permohonan Pewujudan Projek Baharu (Lampiran I) | 33 |
| • | Maklumat Tambahan dan Dokumen Sokongan Semasa Sesi Pemeriksaan Bajet Pembangunan (Lampiran II) | 34 |
| • | Senarai Klasifikasi Pembiayaan Program dan Projek di Bawah Belanja Pembangunan (DE) dan Belanja Mengurus (OE) (Lampiran III) | 36 |
| • | Dokumen Rujukan Dalam Perancangan Projek Pembangunan (Lampiran IV) | 44 |
| • | Tatacara Permohonan Program Berkaitan Penyelidikan dan Pembangunan, Pengkomersialan Dan Inovasi (R&D&C&I) (Lampiran V) | 48 |



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA MALAYSIA

GARIS PANDUAN

PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KETIGA BELAS (RMK13) DAN PERMOHONAN PROJEK PEMBANGUNAN TAHUN 2026-2030

1. TUJUAN

1.1 Tujuan garis panduan ini adalah untuk:

- (a) memaklumkan prestasi ekonomi negara dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) melibatkan pencapaian ekonomi semasa dan matlamat pelbagai dimensi;
- (b) memaklumkan prestasi pelaksanaan dasar RMKe-12;
- (c) memaklumkan hala tuju dan sasaran pertumbuhan ekonomi bagi tempoh RMK13 melibatkan prospek ekonomi, isu dan cabaran serta keutamaan perancangan dasar RMK13;
- (d) memaklumkan pendekatan pelaksanaan dan pemantauan dasar dan projek RMK13; dan
- (e) memberi panduan mengenai penyediaan program dan permohonan projek RMK13 termasuk pematuhan kepada dasar dan peraturan umum.

2. PRESTASI EKONOMI NEGARA DALAM TEMPOH RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS

2.1. Pencapaian Ekonomi Semasa

2.1.1 Ekonomi dunia telah berkembang sebanyak 4.5% setahun bagi tempoh tiga tahun pertama RMK12, walaupun berhadapan dengan beberapa cabaran seperti pandemik COVID-19, ketegangan geopolitik, gangguan rantaian bekalan dan perubahan dasar monetari.

2.1.2 Ekonomi Malaysia pula telah berkembang sebanyak 5.2% setahun bagi tempoh 2021-2023 dan berada dalam lingkungan sasaran yang telah ditetapkan, iaitu sebanyak 5% hingga 6% walaupun menghadapi pelbagai cabaran. Pencapaian ini didorong oleh asas ekonomi yang kukuh serta dasar-dasar yang menyokong pemulihran ekonomi negara. Sektor perdagangan luar mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan dengan nilai eksport kasar meningkat sebanyak 13.2% setahun, manakala import kasar pula berkembang sebanyak 14.8% setahun. Defisit fiskal Kerajaan Persekutuan kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) pula mengecil daripada 6.4% pada tahun 2021 kepada 5% pada tahun 2023.

2.1.3 Pertumbuhan ekonomi ini disokong oleh permintaan dalam negeri berikutan peningkatan aktiviti sektor swasta dan produktiviti buruh seiring dengan kedudukan pasaran buruh yang bertambah baik. Semua sektor utama ekonomi telah mencatat pertumbuhan positif dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan menjadi penyumbang utama pertumbuhan. Sektor perkhidmatan telah berkembang sebanyak 6.1% setahun, diterajui oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam aktiviti perbelanjaan pengguna berikutan sektor pelancongan yang semakin pulih. Sektor pembuatan turut meningkat, iaitu sebanyak 6% setahun, didorong oleh permintaan global yang kukuh, terutama bagi produk elektrik dan elektronik (E&E).

2.1.4 Produktiviti buruh telah mencatatkan pertumbuhan positif pada kadar 2.8% dalam tempoh 2021 hingga 2023, iaitu sebanyak RM96,780 bagi setiap pekerja pada tahun 2023 berbanding RM90,968 pada tahun 2021. Pertumbuhan ini didorong oleh peningkatan dalam sektor perkhidmatan yang disumbang oleh subsektor penginapan dan pengangkutan. Selain itu, pendapatan negara kasar (PNK) per kapita meningkat kepada RM52,991 (AS\$11,620) pada tahun 2023 berbanding RM46,247 (AS\$11,162) pada tahun 2021. Walaupun terdapat peningkatan, masih terdapat jurang nilai ambang pendapatan sebanyak 17% untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi.


2.2. Pencapaian Matlamat Pelbagai Dimensi, 2021-2025

2.2.1 Usaha memulihkan dan memperkuuh asas ekonomi menjadi asas petumbuhan ekonomi makro bagi tempoh RMKe-12. Sebanyak lapan matlamat pelbagai dimensi telah ditetapkan, meliputi aspek kuantitatif dan kualitatif pembangunan sosioekonomi. Pencapaian semasa bagi kesemua matlamat pelbagai dimensi adalah seperti ditunjukkan dalam *Rajah 1*. Sehingga 2023, hanya satu indikator yang menunjukkan pencapaian melebihi sasaran, iaitu kadar pertumbuhan purata tahunan KDNK. Berdasarkan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MyWI), pembangunan sosial meningkat lebih perlahan berbanding ekonomi seperti yang ditunjukkan dalam *Rajah 2*.

Rajah 1: Pencapaian Maklumat Pelbagai Dimensi, 2021-2023

| Matlamat | Pencapaian | Matlamat | Pencapaian |
|---|--|--|---|
|  5.0% hingga 6.0% pertumbuhan KDNK setahun 2021-2023 |  5.2% |  RM61,000 PNK per kapita pada tahun 2025 2023 |  RM 52,991 |
|  3.7% pertumbuhan produktiviti buruh setahun 2021-2023 |  2.8% |  40% bahagian pampasan pekerja daripada KDNK pada tahun 2025 2023 |  33.1% |
|  RM10,065 purata pendapatan bulanan isi rumah tahun 2025 2022 |  RM 8,479 |  1:1.9 jurang KDNK per kapita antara Wilayah Tengah dan Sabah pada 2025 2023 |  1:2.2 |
|  Sehingga 45% pengurusan intensiti pelepasan GHG kepada KDNK pada tahun 2030 berdasarkan intensiti pelepasan pada tahun 2005 <small>akan dilaporkan dalam UNFCCC Biennial Transparency Report Malaysia 2024</small> |  n.a |  1.4% peningkatan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia setahun 2021-2023 |  1.3% |

Rajah 2: Pencapaian MyWI 2021-2023



2.3. Unjuran Ekonomi Bagi Baki Tempoh RMKe-12 (2025)

Tinjauan Ekonomi 2025

2.3.1 Ekonomi global bagi tempoh akhir RMKe-12 dijangka kekal kukuh didorong oleh pertumbuhan kebanyakan ekonomi utama dunia yang stabil, meskipun masih berhadapan dengan ketegangan perdagangan dan ketidaktentuan dasar.

2.3.2 Asas ekonomi yang kukuh dan kepelbagaiannya aktiviti ekonomi terus menjadi sandaran kepada pertumbuhan ekonomi negara yang dijangka memberangsangkan, seperti yang dilaporkan oleh Kementerian Kewangan semasa pembentangan Belanjawan 2025. Ekonomi Malaysia diunjur bertumbuh pada kadar antara 4.5% dan 5.5% bagi tahun 2025, dipacu oleh perbelanjaan sektor swasta yang meningkat sejajar dengan perbelanjaan penggunaan dan pelaburan yang kukuh. Selain itu, sektor perdagangan luar diunjur terus berkembang, disokong oleh aktiviti eksport yang menggalakkan dan

dijangka menyumbang kepada lebihan dalam akaun semasa. Defisit fiskal juga diunjur mengecil kepada 3.8% pada tahun 2025.


3. PEMANTAUAN PRESTASI PELAKSANAAN RMKe-12

3.1. Pemantauan Dasar, Strategi dan Pelaksanaan Inisiatif PPD

3.1.1 Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD) Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12) telah menggariskan sejumlah 125 KPI Nasional bagi mencapai 37 *outcome* nasional. Sehingga suku tahun kedua 2024, prestasi pencapaian *outcome* nasional ialah 69%. PPD KSP RMKe-12 juga memperincikan sebanyak 805 pelan tindakan bagi melaksanakan 114 strategi dan 272 inisiatif.

3.1.2 Kemajuan pelaksanaan bagi pelan tindakan menunjukkan 9.4% telah siap, 44.5% dalam peringkat pelaksanaan dan baki 6.1% masih ketinggalan. Sebanyak 40% pelan tindakan masih belum dilaporkan kepada Kementerian Ekonomi. Berdasarkan prestasi ini, Kementerian/Jabatan perlu melipatgandakan usaha bagi memastikan pelaksanaan pelan tindakan dapat disiapkan mengikut sasaran yang telah ditetapkan. Perincian pencapaian pelan tindakan seperti ditunjukkan dalam *Rajah 3*.

Rajah 3: Laporan Prestasi Pencapaian KSP RMKe-12 Berdasarkan PPD (Sehingga Suku Kedua 2024)



4. HALA TUJU DAN SASARAN PERTUMBUHAN EKONOMI RMK13

4.1. Prospek Ekonomi

4.1.1 Dalam tempoh RMK13, ekonomi dunia dijangka akan terus berkembang pada kadar 3.1% setahun, disokong oleh pertumbuhan sederhana bagi pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun, terutama India dan Republik Rakyat China. Pertumbuhan perdagangan dunia pula diunjur meningkat sebanyak 3.3% setahun, didorong oleh peningkatan permintaan bagi perdagangan barang modal dan barang pengguna.

4.1.2 Potensi pengeluaran ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 5.5% hingga 6% setahun, disumbang oleh produktiviti yang lebih baik. Pertumbuhan ekonomi pula disasar pada kadar 5% hingga 6% setahun, didorong oleh permintaan domestik, terutama perbelanjaan sektor swasta. Peningkatan ini akan disokong oleh keadaan pasaran buruh yang bertambah baik. Ekonomi juga dijangka berada pada tahap guna tenaga penuh dan kadar inflasi dijangka kekal terkawal.

4.1.3 Sektor perkhidmatan dan pembuatan akan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan. Industri strategik dan berimpak tinggi serta yang mempunyai pertumbuhan dan nilai yang tinggi (GHV) dijangka akan terus memacu pertumbuhan ekonomi negara. Selain itu, defisit fiskal dijangka lebih mengecil dengan pelaksanaan inisiatif yang menyumbang kepada peningkatan hasil dan pengurangan perbelanjaan.

4.1.4 Malaysia menasarkan untuk mencapai negara berpendapatan tinggi dalam tempoh RMK13. Melangkah ke hadapan, penekanan akan diberi bagi meningkatkan daya saing negara dan memastikan pertumbuhan mampan dengan memanfaatkan industri yang mempunyai pertumbuhan dan nilai yang tinggi serta disokong oleh penerimangunaan teknologi termaju. Usaha juga akan diteruskan untuk mempercepat peralihan struktur ekonomi dan merapatkan jurang pembangunan

sosioekonomi. Penekanan akan turut dibuat dalam menangani cabaran menjadi negara tua menjelang 2030, antaranya melalui pembangunan ekosistem yang mesra usia, termasuk aspek perumahan, persekitaran kerja, penjagaan kesihatan dan perlindungan sosial.

4.2. Isu dan Cabaran

4.2.1 Dasar yang lebih berkesan dan radikal perlu diperkenalkan bagi memastikan trajektori pertumbuhan negara berada pada landasan yang tepat. Isu struktur pada peringkat domestik perlu ditangani bagi mencapai sasaran Ekonomi MADANI untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Dalam hubungan ini, beberapa isu dan cabaran terus membentuk pencapaian negara termasuk berkaitan trend mega.

4.2.2 Pada peringkat domestik, antara isu yang dihadapi, antaranya negara masih terperangkap dalam status negara berpendapatan pertengahan, pertumbuhan produktiviti yang masih perlahan, kadar gaji dan upah yang rendah, kekurangan tenaga kerja berkemahiran dan juga peningkatan kos sara hidup.

4.2.3 Pada peringkat global pula, antara isu dan cabaran yang dihadapi adalah termasuk trend mega melibatkan perubahan blok ekonomi, pendigitalan dan perubahan teknologi negara maju serta perubahan demografi dan isu perubahan iklim. Sehubungan itu, usaha perlu dilakukan bagi mempersiapkan negara untuk berhadapan dengan trend mega ini, termasuk menyediakan infrastruktur, sumber manusia berkemahiran melalui pendekatan keseluruhan negara. Persediaan ini adalah penting memandangkan trend mega ini merupakan penggerak utama yang akan mencorakkan masa hadapan dunia amnya dan Malaysia khususnya.

4.3. Tumpuan dan Keutamaan Perancangan Dasar RMK13

4.3.1 Di bawah RMK13, Kerajaan akan merancang pembangunan negara berdasarkan kluster pertumbuhan seperti penjana pertumbuhan, pemboleh daya pertumbuhan, pemangkin pertumbuhan dan kesejahteraan hidup. RMK13 juga diselaraskan dengan sasaran ekonomi MADANI. Dalam hubungan ini, beberapa keutamaan telah dikenalpasti termasuk:

(a) **Kluster Penjana Pertumbuhan**

- i. *High Growth High Value (HGHV)* dan Sektor Strategik;
- ii. Ekonomi Usia Emas;
- iii. Bakul Makanan Serantau;
- iv. Ekonomi Hijau; dan
- v. Ekonomi Biru.

(b) **Kluster Pemboleh Daya Pertumbuhan**

- i. Kesihatan Bumi;
- ii. Reformasi Pasaran Buruh;
- iii. Pembangunan Ekonomi Wilayah;
- iv. Pengangkutan Awam; dan
- v. Reformasi Pendidikan.

(c) **Kluster Pemangkin Pertumbuhan**

- i. GovTech;
- ii. Reformasi Fiskal;
- iii. Penskalaan PMKS;
- iv. Penyertaan Sektor Ketiga;
- v. Penyelidikan, Pembangunan, Inovasi, Pengkomersialan dan Ekonomi (RDICE); dan
- vi. Pentadbiran dan Tatakelola.

(d) **Kluster Kesejahteraan Hidup**

- i. Reformasi Perumahan;
- ii. Pendapatan dan Pengagihan;
- iii. Golongan Sasar;
- iv. Keselamatan dan Pertahanan;
- v. Reformasi Kesihatan; dan
- vi. Perpaduan dan Nilai Sahsiah;

5. PENDEKATAN PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN DASAR DAN PROJEK RMK13


5.1 Struktur Kumpulan Perancang Antara Agensi (IAPG) dan Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) RMK13

5.1.1 Penglibatan aktif dan menyeluruh daripada semua pihak berkepentingan, termasuk Kementerian dan agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diperlukan bagi memastikan perancangan RMK13 yang lebih holistik dan inklusif selaras dengan pendekatan menyeluruh Kerajaan (*Whole of Government Approach*). Dalam hubungan ini, **sesi libat urus** bersama semua negeri dan pihak industri perlu diadakan. Selain itu, sesi libat urus bersama pelbagai pihak berkepentingan lain seperti pihak swasta, badan bukan Kerajaan (NGO), pertubuhan masyarakat sivil (CSO) dan pemimpin masyarakat juga perlu dibuat bagi memastikan semua input serta idea yang kreatif dan inovatif diambil kira dalam pembangunan kerangka RMK13.

5.1.2 Kumpulan Perancang Antara Agensi (IAPG) dan Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) ditubuhkan pada peringkat Kementerian Ekonomi, manakala Kumpulan Fokus (FG) pada peringkat Kementerian/Jabatan. Kumpulan ini diwujudkan khusus bagi membincangkan inisiatif **bold** dan **radikal** untuk dijadikan input RMK13. Selain itu, IAPG dan TWG juga akan berperanan untuk **memperku强** perancangan tindakan, **menetapkan KPI** dan **mermantau**

pelaksanaan strategi dan inisiatif PPD bagi tempoh RMK13. Struktur tadbir urus IAPG dan TWG adalah seperti di *Rajah 4*.

Rajah 4: Tadbir Urus IAPG dan TWG bagi Penyediaan dan Pemantauan RMK13



5.2 Pemantauan Pelan Pelaksanaan Dasar (PPD)

5.2.1 Bagi pemantauan pelaksanaan dasar, inisiatif dan strategi di bawah RMK13, ianya dilaksanakan secara dalam talian menerusi sistem pemantauan PPD yang sedang dibangunkan oleh Kementerian Ekonomi secara dalaman selaras dengan dasar GovTech. PPD akan memantau pencapaian KPI outcome nasional berdasarkan inisiatif di bawah kluster dan bidang keutamaan RMK13. Pada masa yang sama, PPD juga akan memantau pencapaian KPI output bagi program yang dilaksanakan oleh pelbagai Kementerian/Jabatan dalam tempoh RMK13. Dalam hal ini, Kementerian/Jabatan yang bertindak selaku agensi pelaksana perlu mengemaskini status pencapaian inisiatif dan program secara sukuan di dalam sistem pemantauan PPD.

5.2.2 IAPG dan TWG akan bertindak memantau pelaporan berkala PPD dan pencapaian KPI yang disasarkan di bawah RMK13. Pemantauan secara berkala ini adalah bagi memastikan inisiatif yang

dirancang di bawah RMK13 dapat dilaksanakan dengan lebih bekesan dan mencapai outcome yang telah ditetapkan.

5.2.3 Selain daripada pemantauan PPD, penyelarasan pemantauan program dan projek RMK13 perlu dibuat berdasarkan Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara di bawah Arahan No.1 2023. Arahan ini menjelaskan mekanisme penyelarasan perancangan, pelaksanaan dan penilaian program/projek di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) termasuk inisiatif ke arah kesejahteraan rakyat serta inisiatif semasa Kerajaan di peringkat Persekutuan, negeri dan daerah.

5.2.4 Bagi **pemantauan prestasi fizikal dan kewangan RMK13**, Kementerian/Jabatan hendaklah melaporkan status di dalam sistem MyProjek sepenuhnya. Pelaporan status pengoperasian projek pembangunan fizikal siap dan penilaian outcome projek juga perlu dilaksana melalui Sistem MyProjek secara berterusan. Langkah ini adalah penting bagi memastikan projek fizikal siap berfungsi dan beroperasi sepenuhnya. Selain itu, isu yang menghalang pengoperasian projek dapat ditangani melalui intervensi yang bersesuaian.

6. PENYEDIAAN PROGRAM/PROJEK RMK13, 2026-2030

6.1 Pendekatan Baharu Mengemukakan Permohonan Projek RMK13

6.1.1 RMK13 memperkenalkan **pendekatan baharu** bagi perancangan program dan projek dengan mengkategorikan permohonan projek seperti berikut:

- (a) **projek bernilai tinggi dengan kos melebihi RM300 juta -** permohonan program/projek RMK13 oleh Kementerian/Jabatan perlu dibuat **awal bermula 1 Mac 2025 hingga 31 Mac 2025**. Permohonan ini meliputi senarai projek untuk pelaksanaan **lima (5) tahun sehingga 2030**. Sekiranya Kementerian/Jabatan tidak memohon dalam tempoh masa

yang ditetapkan, Kementerian/Jabatan boleh membuat permohonan selanjutnya pada bulan Mac tahun 2027 bagi pelaksanaan projek mulai tahun 2028; dan

- (b) program/projek bernilai di bawah RM300 juta - permohonan sepanjang RMK13 boleh dibuat secara tahunan melalui *Rolling Plan (RP)* pada bulan Mac seperti amalan biasa.

6.1.2 Langkah memperkenalkan dua kategori permohonan ini adalah bagi membolehkan Kementerian/Jabatan mempunyai lebih banyak masa untuk membuat perancangan projek dengan lebih komprehensif dan lebih berfokus, unjuran aliran tunai dan komitmen kos DE yang lebih tepat serta membantu pelaksanaan projek berjalan dengan lebih lancar. Bagi mengawal permohonan projek, anggaran **siling bayangan** (*shadow ceiling*) tahunan akan disediakan kepada Kementerian/Jabatan berdasarkan keperluan dan keupayaan berbelanja. Langkah ini bertujuan untuk mengawal komitmen kewangan yang tinggi kepada Kerajaan.

6.1.3 Permohonan untuk projek baharu di luar perancangan selain daripada kategori yang dinyatakan dalam perenggan 6.1.2, adalah **tidak digalakkan**. Permohonan mewujudkan butiran baharu di luar perancangan ini hanya akan dipertimbangkan berdasarkan *case-to-case basis* dengan keutamaan bagi projek yang telah mendapat kelulusan prinsip daripada Jemaah Menteri khususnya melibatkan projek kecemasan, kritikal dan mendesak. Selain itu, projek berkenaan perlu dilaksanakan secara **trade-off** dengan projek sedia ada pada kos yang setara atau lebih rendah. Takrifan kecemasan dan kritikal serta dilaksanakan secara *trade-off* adalah seperti **Lampiran I**.

6.1.4 Bagi penyediaan projek di bawah RMK13, Kementerian/Jabatan perlu merancang program/projek selaras dengan rangka dasar ekonomi MADANI. Selain itu, perancangan projek juga perlu mengambil kira **kluster dan keutamaan RMK13** dengan memberi

tumpuan kepada projek berimpak tinggi, cakna rakyat serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, sumber peruntukan akan diagihkan secara bersasar dengan mengambil kira pencapaian dan sasaran sektor yang telah ditetapkan.

6.1.5 Permohonan projek RMK13 perlu juga selaras dengan dasar utama seperti Agenda 2030, *National Determined Contributions*, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030, Dasar Pengangkutan Negara, 2019-2030, Dasar Agromakanan Negara, 2021-2030, Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara, 2021-2030, Dasar Agrikomoditi Negara, 2021-2030, Agenda Negara Menua, dasar berkaitan pembangunan bumiputera termasuk Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) dan lain-lain dasar berkaitan.

6.1.6 Kementerian/Jabatan juga perlu memastikan perancangan dan pelaksanaan projek adalah selaras dengan Rancangan Pemajuan Nasional (Rancangan Fizikal Negara, Dasar Perbandaran Negara dan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara) yang sedang berkuatkuasa. Selain itu, Rancangan Wilayah, Rancangan Struktur, Rancangan tempatan dan Rancangan Kawasan Khas juga perlu diambil kira. Kementerian/Jabatan juga perlu melaksanakan Penilaian Impak Sosial (SIA), Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan Kajian Penilaian Impak Lalu Lintas (TIA) bagi kategori projek yang tertakluk kepada akta dan peraturan yang sedang berkuat kuasa.

6.1.7 Kementerian/Jabatan perlu mengambil kira aspek mengarus perdana keperluan gender dan golongan berkeperluan khas dalam perancangan program/projek DE. Oleh itu, perancangan projek juga perlu mengambil kira keperluan bagi memenuhi aspek gender dan negara menua melalui penyediaan kemudahan infrastruktur dan program bantuan bagi kumpulan sasar yang terlibat. Langkah ini akan memastikan tiada golongan yang terpinggir di dalam pembangunan negara.

6.1.8 Kementerian juga perlu memberi penekanan kepada **penggunaan bahan, barang dan perkhidmatan tempatan** semasa merancang dan melaksanakan program/projek. Sehubungan itu, Kementerian/Jabatan perlu mematuhi Pekeliling Perolehan Kerajaan PK1.4 mengenai Dasar Bahan, Barang dan Perkhidmatan Tempatan.

6.1.9 **Elemen rendah karbon dan pertumbuhan hijau** perlu diberi keutamaan dalam perancangan projek. Dalam hubungan ini, Kementerian/Jabatan perlu memberi penekanan kepada konsep ekonomi kitaran, kecekapan tenaga, infrastruktur dan bangunan hijau, penggunaan sistem penuaian air hujan, penggunaan lampu LED dan penggunaan lampu solar bagi lampu jalan semasa merancang dan melaksanakan projek.

6.1.10 Pelaksanaan projek juga perlu mengambil kira **pematuhan kepada garis panduan berkenaan pembinaan bangunan/infrastruktur hijau** yang sedang berkuat kuasa. Perhatian juga perlu diberikan kepada pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP) selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan 1.9 – Pelaksanaan Perolehan Hijau Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

6.1.11 Kementerian/Jabatan perlu memastikan program/projek dirancang sewajarnya bagi mengelakkan projek berstatus lewat jadual/sakit atau bermasalah. **Perancangan dan jadual pelaksanaan projek** juga perlu **dibuat segera** setelah pengumuman belanjawan tahunan dan perlu dimuktamadkan pada **bulan November pada tahun berkenaan**.

6.1.12 Bagi memastikan pelaksanaan projek yang lebih lancar, Kementerian/Jabatan juga perlu **mengadakan sesi libat urus** dan mendapatkan maklum balas daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pihak koridor utiliti negeri (jika ada) dan syarikat penyedia utiliti. Sesi libat urus bersama Kerajaan Negeri penting bagi membolehkan projek **wishlist**

Kerajaan Negeri diambil kira selaras dengan keutamaan Kementerian/Jabatan.

6.1.13 Kementerian/Jabatan perlu mematuhi **Garis Panduan Perlindungan, Pengalihan dan Pemasangan Semula Utiliti dalam Pelaksanaan Program dan Projek Kerajaan** bagi mengelakkan pertikaian pelaksanaan projek di antara Kerajaan dan pihak syarikat utiliti termasuk mengenai kadar harga dan tanggungan kos bagi kerja utiliti.

6.1.14 Aspek **kawalan kos** program/projek perlu dititikberatkan dalam perancangan dan pelaksanaan program/projek. Dalam hubungan ini, Kementerian/Jabatan perlu merancang program/projek pembangunan termasuk mengambil kira Kos Kitaran Hayat (*life cycle cost*) yang memberi **nilai terbaik (best value for money)** dalam jangka masa panjang kepada Kerajaan termasuk mengambil kira kos operasi dan penyenggaraan.

6.1.15 **Tapak** bagi pembangunan program/projek juga **perlu sesuai** dengan cadangan projek yang dirancang dan perlu **mengelakkan pembangunan** di kawasan berpaya, tanah dengan kecerunan yang tinggi dan tidak sesuai untuk pembangunan serta jauh daripada infrastruktur sedia ada. Langkah ini adalah bagi mengelakkan kos pembangunan yang tinggi dan kelewatan pelaksanaan program/projek. Selain itu, kos program/projek Kerajaan juga perlu dikawal agar lebih rendah atau setanding dengan projek swasta.

6.1.16 Selaras dengan **Pekeliling Kementerian Ekonomi Bil. 1 Tahun 2024** berkaitan penambahbaikan pelaksanaan pengurusan nilai, **tempoh sah laku** atau *validity* program/projek ditetapkan **dua (2) tahun** dari tarikh kelulusan projek melibatkan semua projek. Sehubungan itu, semua program/projek yang tidak dapat dilaksanakan proses perolehan dalam tempoh sah laku berkenaan **dicadang dibatalkan**. Penjimatan kos program/projek yang **dibatalkan** berkenaan tidak boleh

digunakan oleh Kementerian/Jabatan bagi menampung peningkatan kos program/projek lain melalui NOC.

6.2 Kriteria Pemilihan Projek

6.2.1 Pada amnya, pelaksanaan program/projek pembangunan perlu menepati keperluan rakyat bagi meningkatkan kesejahteraan, mengurangkan kos sara hidup, memastikan sistem penyampaian Kerajaan yang lebih cekap serta memperkasa daya saing negara supaya dapat memberi manfaat kepada sebahagian besar masyarakat serta selari dengan **outcome nasional**.

6.2.2 Terdapat dua kategori projek pembangunan yang perlu diberi keutamaan oleh Kementerian/Jabatan iaitu:

- (a) **Projek Sambungan** - Projek yang telah diberi kelulusan dalam RP terdahulu dan perlu didahulukan atas faktor perundangan serta ikatan kontrak; dan
- (b) **Projek yang telah mendapat kelulusan khas Kerajaan** - Projek yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri.

6.2.3 Bagi permohonan **projek baharu**, Kementerian/Jabatan perlu memberi keutamaan kepada kriteria projek seperti berikut:

- (a) memberi **impak yang besar** kepada rakyat dan pertumbuhan ekonomi selaras dengan agenda Ekonomi MADANI dalam memperkasa rakyat;
- (b) mempunyai **skop, kos** dan **komponen** bersesuaian dengan **kluster** dan **keutamaan RMK13**;
- (c) program/projek yang dimohon perlu **sedia** untuk **dilaksanakan (cangkul ready)** dan tidak mempunyai

- sebarang isu seperti isu tapak/tanah, setinggan dan sebagainya;
- (d) memberikan ***best value for money*** kepada rakyat, Kerajaan dan negara;
 - (e) berada dalam senarai ***wishlist*** Kerajaan Negeri dan selaras dengan keutamaan Kementerian/Jabatan;
 - (f) tumpuan kepada **kawasan yang kurang membangun** bagi membolehkan pembangunan yang lebih seimbang;
 - (g) projek penyenggaraan struktur binaan sedia ada yang **kritikal dan mendesak**;
 - (h) melaksanakan **kerja awalan terlebih dahulu** sebelum memohon projek sebenar bagi cadangan projek keutamaan tinggi Kementerian/Jabatan. Antara kerja awalan melibatkan kajian kemungkinan, siasatan tapak dan tanah, kerja ukur dan pemetaan utiliti; dan
 - (i) projek melibatkan ***life cycle cost* yang rendah** tetapi memberikan ***outcome* yang tinggi** kepada rakyat.

6.2.4 Bagi permohonan **projek jalan raya dan lebuh raya Persekutuan**, permohonan berkenaan perlu selaras dengan **Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya 2040 (HNDP 2040)**. Selain itu, bagi pembangunan jalan raya di luar bandar, Pelan Induk dan Pemetaan Rangkaian Jalan Luar Bandar (JALB) yang sedang dibangunkan oleh Kerajaan perlu diambil kira. Walau bagaimanapun, sekiranya projek yang dicadangkan tidak tersenarai di dalam Kajian HNDP dan JALB, permohonan bagi projek berkenaan perlu dikemukakan dengan justifikasi yang kukuh merangkumi aspek teknikal dan sosioekonomi.

6.3 Pelaksanaan Gerbang Tunggal (*Single Window*) bagi Projek Kerjasama Awam Swasta dan *Special Purpose Vehicle* (SPV)

6.3.1 **Mekanisme *Single Window*** diperkenal bagi memastikan kawalan terhadap perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek pembangunan Kerjasama Awam Swasta (PPP) dibuat secara lebih holistik. Langkah ini adalah bagi membolehkan **kawalan komitmen kos DE** Kerajaan yang lebih berkesan, pemantauan projek PPP yang lebih menyeluruh serta membolehkan semakan silang projek DE konvensional dan PPP. Semua projek pembangunan secara PPP dan secara *Special Purpose Vehicle* (SPV) yang dilaksanakan di bawah Kementerian Kewangan perlu didaftarkan di dalam **sistem MyProjek**.

6.3.2 Permohonan program/projek PPP akan dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan melalui submodul permohonan program/projek PPP yang dibangunkan khusus di bawah sistem MyProjek. Dalam hubungan ini, **siling bayangan bagi program/projek PPP setiap Kementerian/Jabatan termasuk komitmen sedia ada akan ditetapkan** berdasarkan kemampuan kewangan semasa Kerajaan.

6.3.3 Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) akan meneliti permohonan projek PPP sebelum dikemukakan kepada **Jawatankuasa *Single Window* yang dipengerusikan oleh Kementerian Ekonomi** bagi mengambil kira komitmen kewangan DE. Setelah projek melepas semakan oleh Jawatankuasa *Single Window*, projek PPP berkenaan akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Unit Kerjasama Awam Swasta (JKAS) dan Jawatankuasa Tertinggi Awam Swasta (JTAS) sebelum mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri.

7. PEMATUHAN DASAR DAN PERATURAN UMUM

7.1 Peringkat Permohonan Program/Projek

7.1.1 Sesi pemeriksaan bajet akan diadakan selepas tamat tempoh permohonan program/projek bagi membolehkan Kementerian Ekonomi menilai dan memperakukan program/projek pembangunan bagi RMK13. Oleh itu, Kementerian/Jabatan perlu mengambil perhatian dan membuat persiapan awal sebelum sesi pemeriksaan bajet seperti berikut:

- (a) menyusun **permohonan program/projek** berdasarkan senarai keutamaan Kementerian/Jabatan dan negeri. Justifikasi perlu disediakan sekiranya program/projek dalam senarai *wish/list* Kerajaan Negeri tidak menjadi keutamaan Kementerian/Jabatan;
- (b) menyediakan **input mandatori dan dokumen sokongan** yang relevan serta lengkap bagi setiap program/projek seperti dinyatakan di **Lampiran II**;
- (c) mengemaskini **maklumat set aktiviti dan kewangan** program/projek sambungan dalam MyProjek;
- (d) menyediakan **maklumat pecahan kos terperinci** bagi setiap skop program/projek, antaranya kos perolehan tanah (jika berkaitan), kos perunding, kos kerja awalan, kos pembinaan, kos pembekalan kelengkapan peralatan serta aset alih (*loose item*) dan lain-lain kos berkaitan syarat kelulusan PBT atau keperluan perundangan;
- (e) menyediakan **laporan prestasi dan unjuran aliran tunai** untuk penentuan jumlah siling peruntukan sebenar bagi program/projek sambungan dan tidak mengurangkan peruntukan atas tujuan pewujudan program/projek baharu;

- (f) memastikan semua maklumat program/projek dalam medan MyProjek yang dipohon diisi dengan tepat. Usaha ini adalah bagi mengelakkan isu notis perubahan yang tinggi, data dan maklumat pelaksanaan program/projek yang tidak tepat oleh agensi bukan teknikal;
- (g) menyediakan unjuran keperluan perjawatan dan belanja OE bagi tujuan pengoperasian; dan
- (h) memastikan projek yang dipohon adalah **viable** dan **sedia dilaksana**.

7.1.2 Bagi setiap cadangan permohonan projek baharu, Kementerian/Jabatan perlu menyediakan input mandatori seperti berikut:

- (a) input bagi analisis **Logical Framework Matrix (LFM)** dan **Creativity Index (CI)** perlu dikunci masuk dalam sistem MyProjek. Input berkaitan CI bagi **projek kajian dan kerja awalan adalah dikecualikan**;
- (b) borang pengesahan **brif projek** oleh pengguna ruang dan agensi pelanggan. Borang ini perlu berdasarkan dokumen **Garis Panduan Penyediaan Ringkasan Projek (Pindaan 2023)** yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk penyediaan brif projek;
- (c) dokumen salinan **Hak Milik, Borang K atau Warta Rizab Persekutuan/Negeri**;
- (d) Borang Permohonan **Peralatan** bagi projek perolehan peralatan;
- (e) Borang Penilaian **Tapak** dan Laporan Lawatan Tapak bagi projek bangunan;

- (f) Borang Jadual **Keperluan Ruang** bagi projek fizikal binaan atau ubah suai; dan
- (g) maklumat **Value At Entry (VAE)** seperti Kalkulator ACAT dan semakan GN0 melalui Sistem VAE Online yang diintegrasikan dalam sistem MyProjek. Kementerian/Jabatan boleh merujuk kepada Apendiks 2.0 – 4.0 dalam Panduan Pemakaian Inisiatif VAE yang dikeluarkan oleh JKR.

7.1.3 Kementerian/Jabatan juga perlu merujuk kepada **Lampiran III** mengenai Senarai Klasifikasi Pembiayaan Program/Projek di bawah DE dan OE. **Perbelanjaan OE di dalam projek DE hanya boleh dipertimbangkan sekiranya diluluskan dalam skop projek** semasa permohonan asal dengan justifikasi kukuh dan melibatkan elemen yang kritikal sahaja.

7.1.4 Kelulusan DE bagi projek Persekutuan akan diberi keutamaan sepertimana dalam Senarai Persekutuan dan Senarai Bersama di bawah Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan. Manakala bagi projek di bawah Senarai Negeri, kelulusan peruntukan hanya boleh dipertimbangkan secara pinjaman sahaja berdasarkan *case-by-case basis*.

7.1.5 Permohonan projek secara **one-line item** adalah tidak digalakkan kecuali dengan **kelulusan Kementerian Ekonomi**. Kementerian/Jabatan perlu memastikan permohonan projek hanya berdasarkan skop dan lokaliti projek yang jelas. Projek yang bersifat pelbagai negeri perlu dipecahkan mengikut negeri bagi membolehkan pemantauan dan pelaksanaan projek yang berkesan serta memastikan agihan peruntukan yang lebih bersasar.

7.1.6 Kementerian/Jabatan perlu merujuk dan mematuhi akta, dasar, pekeliling, garis panduan dan peraturan yang sedang berkuat kuasa

dalam perancangan dan pelaksanaan program/projek pembangunan seperti di **Lampiran IV**.

7.1.7 Bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan **projek berkeperluan khas**, semua cadangan projek baharu yang dipohon oleh Kementerian/Jabatan perlu melalui proses berikut:

- (a) **Projek Pendigitalan** - Cadangan projek pendigitalan perlu mendapat kelulusan teknikal daripada Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) dan Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) berdasarkan had nilai yang ditetapkan, sebelum permohonan peruntukan dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi. Ini adalah selaras dengan Surat Pekeliling Am Bilangan 7 Tahun 2024 Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal Dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT) Sektor Awam dan Garis Panduan Pelaksanaan Tatakelola Pengurusan Dan Perolehan Projek ICT Bagi RMK13. Selain itu, Kementerian/Jabatan perlu memastikan projek pendigitalan selaras dengan aspirasi, hala tuju dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia.
- (b) **Keselamatan Siber** - Permohonan projek berkaitan keselamatan siber perlu dirujuk kepada **Pejabat Ketua Eksekutif Agensi Keselamatan Siber Negara, Majlis Keselamatan Negara (NACSA, MKN)** selaku agensi peneraju bagi keselamatan siber negara. Permohonan projek berkaitan keselamatan siber perlu dinilai dan diperakui terlebih dahulu oleh NACSA sebelum dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi bagi memastikan projek yang dicadangkan adalah selaras dengan Arahan MKN No. 26: Pengurusan Keselamatan Siber Negara dan *Malaysia Cyber Security Strategy (2020-2024)*.
- (c) **Penyelidikan dan Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi (R&D&C&I)** - Permohonan projek R&D&C&I perlu

dikemukakan kepada ***Research Management Unit (RMU), Bahagian Industri Pembuatan, Sains dan Teknologi (BIPST)***, Kementerian Ekonomi untuk semakan dan saringan awal sebelum dipohon melalui MyProjek. Untuk itu, Kementerian/Jabatan hendaklah merujuk kepada Tatacara Permohonan Projek/Program R&D&C&I seperti di **Lampiran V**.

- (d) **Pembinaan Bangunan Kuarters dan Bangunan Pejabat Kerajaan** - Projek kuarters dan bangunan pejabat Kerajaan perlu dinilai dan diperaku terlebih dahulu oleh Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri (BPH, JPM) sebelum projek dimohon kepada Kementerian Ekonomi.

7.1.8 Bagi memastikan urusan berkaitan tanah berjalan lancar dan mempercepatkan projek, Kementerian/Jabatan perlu melaksanakan perkara berikut:

- (a) **mengoptimumkan penggunaan tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) sedia ada** untuk tujuan pelaksanaan projek bagi mengurangkan permohonan perolehan tanah baharu. Kementerian/Jabatan **perlu merujuk dan membuat semakan** dengan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) sebelum sebarang perolehan tanah baharu dibuat. Langkah ini adalah bagi membolehkan tanah sedia ada milik PTP yang tidak dibangunkan dioptimum sepenuhnya, membolehkan pelaksanaan projek yang lebih cepat serta menjimatkan kos perolehan tanah baharu;
- (b) Kementerian/Jabatan hanya dibenarkan memperolehi tanah baharu sekiranya **hasil semakan** dengan JKPTG menunjukkan tiada tanah milik PTP yang sesuai. Permohonan bagi perolehan tanah perlu dibuat terlebih dahulu sebelum projek

- dipohon khususnya bagi projek yang melibatkan pembinaan bangunan;
- (c) bagi menggalakkan pembangunan tanah sedia ada, tanah di bawah agensi pemilik yang tidak dibangunkan selama **5 tahun** perlu diserah kepada PTP untuk digunakan oleh Kementerian/Jabatan lain;
 - (d) memastikan **tapak projek siap sedia** untuk dimasuki oleh kontraktor dan tiada isu halangan dan bebanan di tapak projek seperti setinggan, bantahan penduduk serta faktor geografi yang tidak sesuai;
 - (e) sekiranya **perolehan tanah baharu** perlu dibuat, permohonan berkenaan perlu menepati syarat skor sekurang-kurangnya **60% berdasarkan** sistem pemarkahan yang ditetapkan dalam Borang Penilaian Tapak dan Laporan Lawatan Tapak. Dalam hubungan ini, pihak Kementerian/Jabatan perlu memastikan tapak pembangunan adalah sesuai dengan cadangan pembangunan yang dirancang dan **perlu mengelakkan pembangunan di kawasan berpaya, tanah dengan kecerunan tinggi dan tidak sesuai untuk pembangunan serta jauh daripada infrastuktur sedia ada.** Langkah ini adalah bagi mengelakkan kos pembangunan yang tinggi terpaksa ditanggung oleh Kerajaan;
 - (f) memastikan perolehan tanah yang menggunakan peruntukan Kerajaan Persekutuan secara geran perlu **dipindah milik** dan **didaftarkan atas nama PTP.** Kementerian/Jabatan perlu memastikan perolehan tanah hanya dibuat berdasarkan **keperluan sebenar projek** sahaja. Selain itu, bagi menjimatkan kos Kerajaan Persekutuan, Kementerian/Jabatan hendaklah **berunding** mengenai bayaran premium dengan Kerajaan Negeri. Contohnya, rundingan bayaran premium

- dibuat berdasarkan kepada tarikh rizab diwartakan bagi tanah yang dibatalkan rizab untuk tujuan pemberimilikan;
- (g) memastikan urusan pendaftaran atas nama PTP atau **pewartaan Rizab Persekutuan dan Rizab Negeri bagi maksud Persekutuan** diselesaikan terlebih dahulu sebelum memohon kerja pembinaan fizikal projek dengan pembuktian dokumen geran hakmilik atau salinan warta. Walau bagaimanapun, Kementerian/Jabatan perlu **melaksanakan usaha bagi mendapatkan hak milik tanah yang dibangunkan di atas tanah yang diwartakan** oleh Kerajaan Negeri berkenaan. Langkah ini bagi meningkatkan aset Kerajaan Persekutuan dan pengoperasian aset dapat berjalan dengan lancar;
- (h) kelonggaran bagi kelulusan pembangunan fizikal projek berbentuk jajaran boleh diberikan sekiranya Kementerian/Jabatan telah memperolehi **Borang K (Notis Bahawa Milikan Tanah/ Perletakhakan Petak Telah Diambil)**;
- (i) tanah milik PTP yang **tidak dibangunkan**, boleh dipertimbangkan untuk dibangunkan projek awam secara PPP; dan
- (j) bagi meningkatkan pembangunan sosioekonomi masyarakat melalui **instrumen tanah wakaf**, pelaksanaan projek Kerajaan **boleh dipertimbang di atas tanah wakaf berdasarkan status wakaf** yang telah didaftarkan kepada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan atau Majlis Agama Islam Negeri.

7.1.9 Bagi membolehkan pelaksanaan program/projek yang lebih mampan dan menjimatkan kos, Kementerian/Jabatan juga perlu meneliti semula **kaedah berkaitan perolehan aset Kerajaan**, mengutamakan perkongsian kos dan dana berbentuk pinjaman berbanding geran.

Dalam hubungan ini, RMK13 akan memberi tumpuan kepada pendekatan berikut:

- (a) mengutamakan **sewaan berbanding pembelian** bagi peralatan setelah kajian bandingan kos dan manfaat dibuat;
- (b) mengutamakan kelulusan projek yang **bersifat pelbagai guna** seperti pembinaan empangan melibatkan fungsi bagi bekalan air, pengairan pertanian, tebatan banjir dan bekalan elektrik;
- (c) bagi **projek pendigitalan**, Kementerian/Jabatan **tidak digalakkan memohon pembangunan sistem secara silo**. Tumpuan pembangunan pendigitalan perlu lebih bersifat berpusat, menyeluruh dan merentasi pelbagai Kementerian selaras dengan konsep *Whole of Government Approach*. Selain itu, perkongsian infrastruktur digital seperti *cloud* dan server secara berpusat juga perlu diteroka;
- (d) memastikan **kos per unit/meter persegi adalah munasabah** melalui rujukan kepada buku kos semeter persegi bangunan yang dikeluarkan oleh JKR. Buku ini perlu ditambah baik oleh JKR dengan mengambil kira kos projek swasta;
- (e) meneroka pelaksanaan projek melalui **konsep turnkey serta reka dan bina** dengan kawalan kos secara ketat;
- (f) meneroka cadangan **pembelian bangunan baharu** atau sedia ada berbanding pembinaan baharu (termasuk pengambilan tanah) sekiranya kos pembelian dan ubahsuai adalah lebih rendah dengan mengambil kira penilaian oleh pihak Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH);
- (g) meneroka elemen **perkongsian kos** antara Kerajaan dengan badan berkanun/GLC bagi membiayai kos projek pembangunan; dan

- (h) mengutamakan kelulusan **dana berbentuk pinjaman berbanding geran** dengan kelulusan melibatkan dana berimpak tinggi dan menjadi keutamaan negara.

7.1.10 Bagi memastikan pelaksanaan projek yang lebih berdaya maju dan menyumbang impak yang tinggi, Kementerian/Jabatan perlu melaksanakan analisis dan penilaian berikut:

- (a) **Logical Framework Matrix (LFM)** – Mengenal pasti projek dengan **outcome berimpak tinggi** yang boleh dilaksanakan dan **berdaya maju (viable)** berdasarkan andaian dan faktor risiko;
- (b) **Creativity Index (CI)** - Menentukan **keutamaan projek** dan mengambil kira **nilai sasaran kuantiti** di dalam LFM supaya mewujudkan kesalinghubungan dengan outcome projek;
- (c) **Value at Entry (VAE)** - Melaksanakan inisiatif VAE yang merangkumi **Acquisition Categorisation (ACAT)**, **Value Management Strategic (VMS)** dan **Gerbang Nilai 0** bagi menentukan daya maju projek dengan konsep '*do it right at the first time*'. VAE yang mengandungi brif, skop dan anggaran kos perlu dilaksanakan oleh semua Kementerian/Jabatan melalui sistem VAE yang dibangunkan oleh JKR;
- (d) **Reka bentuk** – Perlu berasaskan keberhasilan fungsi projek (**must-have**) berbanding bermewah-mewah (**nice-to-have**) bagi memastikan kos kitaran hayat yang rendah. Kementerian/Jabatan perlu mempertimbangkan pendekatan **design-to-cost** semasa memuktamadkan reka bentuk dan memastikan tidak menjelaskan fungsi dan outcome projek; dan
- (e) **Public Sector Comparator (PSC)** - Membuat **perbandingan kos** dengan projek yang telah dilaksanakan sebelum ini sebagai panduan penetapan kos oleh Kementerian/Jabatan.

PSC hendaklah dikemaskini secara berkala oleh Kementerian/Jabatan berdasarkan kos As *Tendered Detailed Abstract* (ATDA) dan As *Completed Detailed Abstract* (ACDA). Selain itu, PSC juga perlu dikemaskini dari semasa ke semasa dengan **mengambil kira perbandingan kos dengan projek seumpamanya yang dilaksanakan oleh swasta.**

7.2 Peringkat Pasca Kelulusan dan Pelaksanaan Projek

7.2.1 Kementerian/Jabatan perlu memulakan kerja pra pelaksanaan bagi projek baharu sebaik sahaja mendapat pengesahan senarai projek daripada Kementerian Ekonomi. Dalam hubungan ini, Kementerian/Jabatan perlu **menyediakan jadual perancangan dan pelaksanaan projek yang lengkap pada bulan November selepas pengumuman belanjawan tahunan**. Selain itu, proses perolehan perlu dilaksanakan secara teratur dan mengikut jadual supaya Surat Setuju Terima (SST) dapat dikeluarkan **sebelum suku ketiga** setiap tahun.

7.2.2 Kementerian/ Jabatan juga perlu menyediakan pecahan kos projek bagi menentukan sama ada kos pembinaan/ kos kontrak projek tersebut tertakluk di bawah bab perolehan kerajaan dalam Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement - FTA*). Pecahan kos perlu disediakan semasa peringkat penyediaan brif projek. Kementerian/ Jabatan perlu merujuk Pekeliling Perbendaharaan berkaitan dalam melaksanakan tender projek yang tertakluk di bawah FTA.

7.2.3 Pengurusan Nilai (**Value Management - VM**) perlu dilaksanakan ke atas program/projek fizikal yang bernilai **RM70 juta dan ke atas** yang menggunakan peruntukan DE. Selain itu, bagi **projek bangunan** dengan kos projek bernilai **RM5 juta hingga RM70 juta serta projek ubah suai bangunan** dengan kos projek **RM1 juta dan ke atas**, **diwajibkan** untuk mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Standard dan Kos (JSK) yang diurus setia oleh Kementerian Ekonomi terlebih dahulu sebelum projek dilaksanakan.

7.2.4 Selaras dengan objektif Kerajaan bagi meningkatkan penggunaan teknologi moden dan digital dalam mempercepatkan kerja pembinaan dan pengurusan aset Kerajaan yang lebih menyeluruh, Kementerian/Jabatan perlu mengoptimumkan pelan dan teknologi berikut:

- (a) ***Pre-Approved Plan (PAP)*** – PAP ialah reka bentuk bangunan yang tersedia dan lengkap dengan input seni bina dan ukur bahan. Penggunaan perlu dioptimumkan bagi memendekkan proses mereka bentuk projek serta memberi pilihan reka bentuk bangunan yang telah tersedia. Sebanyak 229 PAP bangunan telah disediakan oleh JKR Malaysia di dalam katalog PAP: Siri Ke-3 Edisi Kedua Tahun 2024;
- (b) ***Sistem Pembinaan Industri (IBS)*** – IBS ialah teknik pembinaan pasang siap bagi meningkatkan kualiti serta produktiviti pembinaan, memendekkan tempoh pembinaan dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Projek pembangunan bernilai **RM10 juta dan ke atas** dikehendaki menggunakan kaedah IBS; dan
- (c) ***Building Information Modelling (BIM)*** – BIM ialah kaedah pengurusan model 3D secara digital dalam kitar hayat pelaksanaan projek serta pengurusan aset secara menyeluruh. Kaedah ini diperkenalkan bagi meningkatkan aspek tadbir urus, kepakaran sumber manusia, kecekapan proses kerja dan aplikasi teknologi digital dalam pelaksanaan projek Kerajaan. Untuk itu, **projek fizikal baharu yang bernilai RM10 juta ke atas** perlu melaksanakan BIM dalam tempoh RMK13.

7.2.5 Dari segi pengurusan Notis Perubahan (NOC), Kementerian/Jabatan perlu membuat perancangan dan pelaksanaan projek dengan lebih rapi agar dapat meminimumkan keperluan

permohonan NOC di sepanjang tempoh pelaksanaan projek. Permohonan NOC yang **lengkap** akan diproses dalam masa **14 hari bekerja**. Sekiranya permohonan NOC **tidak lengkap**, maklum balas maklumat tambahan perlu dikemukakan oleh Kementerian/Jabatan dalam tempoh **7 hari bekerja** kepada Kementerian Ekonomi bagi membolehkan permohonan NOC berkenaan diluluskan dalam tempoh 21 hari bekerja dan **mengelakkan** permohonan **terbatal** secara automatik. Sekiranya terbatal, Kementerian/Jabatan perlu mengemukakan semula permohonan NOC baharu jika masih diperlukan.

8. PERTANYAAN BERHUBUNG RMK13 DAN PERMOHONAN PROJEK TAHUN 2026-2030

8.1 Sebarang pertanyaan, surat-menurut dan e-mel berkaitan Garis Panduan Penyediaan RMK13 dan Permohonan Projek Pembangunan Tahun 2026-2030 ini boleh dikemukakan kepada Urus Setia Jawatankuasa Induk dan Dasar RMK13 (emel: g_urus.indukrmk13@ekonomi.gov.my)

(a) Pertanyaan Berkaitan Dasar RMK13

Pengarah Bahagian Perkhidmatan Sosial

Kementerian Ekonomi

Aras 3, Menara Prisma

No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62675 Putrajaya

Telefon : 03-8090 2356

Faks : 03-8090 2500

Pengarah Bahagian Perancangan Strategik

Kementerian Ekonomi

Aras 5, Menara Prisma

No. 26, Persiaran Perdana, Presint 3

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62675 Putrajaya

Telefon : 03-8090 4090

Faks : 03-8090 2500

(b) Pertanyaan Berkaitan Perancangan dan Permohonan Projek RMK13

Pengarah Bahagian Bajet Pembangunan

Kementerian Ekonomi

Aras 1, Menara Prisma

No. 26 Persiaran Perdana, Presint 3

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62675 Putrajaya

Telefon : 03-8090 2626

Faks : 03-8090 2500

9. PENUTUP

9.1 Garis Panduan Penyediaan RMK13 dan Permohonan Projek Pembangunan Tahun 2026-2030 ini memberi gambaran yang jelas kepada Kementerian/Jabatan mengenai prestasi ekonomi dan pencapaian pelaksanaan dasar dalam tempoh RMKe-12. Di samping itu, garis panduan ini turut menggariskan hala tuju dan sasaran pertumbuhan ekonomi, pendekatan pelaksanaan dan pemantauan dasar dan projek serta menyediakan panduan menyeluruh kepada Kementerian/Jabatan dalam memohon projek RMK13. Kementerian/Jabatan perlu menilai semula prestasi

semasa dan melakukan penambahbaikan serta membuat perancangan sebaiknya bagi memastikan program/projek yang dirancang dan dilaksanakan di bawah RMK13 dapat memberi manfaat kepada rakyat dan seterusnya memacu pertumbuhan ekonomi negara selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR)

Ketua Setiausaha Negara

Selaku Penggerusi

Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara

JABATAN PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA

 Februari 2025

DEFINISI FAKTOR KECEMASAN DAN KRITIKAL BAGI PERMOHONAN PEWUJUDAN PROJEK BAHARU

- (1) Kementerian Ekonomi telah membuat ketetapan berhubung pewujudan projek baharu di luar pemeriksaan bajet melalui dua (2) surat UPE, JPM seperti berikut:
- (a) Surat rujukan UPE(S)12-11/14/11(31) bertarikh 30 Mac 2021: Permohonan NOC bagi pewujudan projek baharu di luar pemeriksaan bajet yang diberi pertimbangan perlu memenuhi kriteria berikut:
- (i) projek-projek kecemasan atau kritikal;
- (ii) projek yang diluluskan oleh Jemaah Menteri; dan
- (iii) Kementerian/Jabatan bersedia untuk membatalkan projek-projek sedia ada yang setara, berdasarkan projek keutamaan Kementerian/Jabatan (secara *offset*).
- (b) Surat rujukan UPE(S)12-11/14/11 Jld 3(33) bertarikh 5 Mei 2021: Pewujudan projek baharu secara NOC atas faktor kecemasan dan kritikal, akan hanya diluluskan sekiranya Kementerian/Jabatan bersedia membatalkan projek sedia ada dengan kos yang setara (*trade-off*).
- (2) Pewujudan projek baharu atas faktor kecemasan dan kritikal adalah merujuk kepada projek baharu yang perlu dilaksanakan segera dan boleh disiapkan dengan cepat bagi mengelak bahaya atau mudarat/kerugian yang lebih besar termasuk ancaman kepada kesihatan, keselamatan dan/atau nyawa serta untuk memastikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan masih boleh diteruskan di samping memelihara kepentingan awam.
- (3) Projek baharu atas faktor kecemasan dan kritikal adalah seperti **pembaikan cerun yang runtuh akibat hujan lebat yang berterusan, pembinaan semula kemudahan awam yang musnah akibat kebakaran dan pembaikan kemudahan awam yang rosak akibat bencana alam seperti banjir yang luar biasa.**

LAMPIRAN II

MAKLUMAT TAMBAHAN DAN DOKUMEN SOKONGAN SEMASA SESI PEMERIKSAAN BAJET PEMBANGUNAN

Input Mandatori

1. Maklumat *Logical Framework Matrix (LFM)* perlu dikunci masuk melalui sistem MyProjek
2. Maklumat Pengiraan CI setiap projek perlu dikunci masuk melalui sistem MyProjek
3. Maklumat Kalkulator ACAT dan Templat GN0 melalui sistem VAE online yang diintegrasikan dalam sistem MyProjek
4. Borang Jadual Keperluan Ruang bagi projek fizikal binaan atau ubah suai
5. Pengesahan Brif Projek oleh Pengguna Ruang dan Agensi Pelanggan
6. Borang Penilaian Tapak dan Laporan Lawatan Tapak bagi projek bangunan
7. Borang Permohonan Peralatan bagi projek perolehan peralatan
8. Dokumen Hak Milik/Borang K/ Warta Rizab Persekutuan/Warta Rizab Negeri bagi kegunaan Persekutuan
9. Terma rujukan bagi projek kajian

Contoh Dokumen Sokongan Tambahan

1. Kelulusan prinsip projek oleh Kerajaan seperti Keputusan Jemaah Menteri
2. Senarai *wishlist* keutamaan Kerajaan Negeri berserta justifikasi jika tiada dalam keutamaan Kementerian/Jabatan
3. *Mapping* lokasi projek sedia ada seperti peta lokasi PPR dan PPRT seluruh negara
4. Analisis makro mengenai gambaran keseluruhan keperluan subsektor dan sektor dalam tempoh RMK13 seperti bilangan katil hospital yang dicadang dimohon, bilangan liputan bekalan elektrik dan jumlah kumpulan sasaran terlibat di seluruh negara.

5. Perakuan oleh BPH, JPM bagi projek karters
6. Kelulusan JTISA dan JPICT Kementerian/Jabatan (projek pendigitalan)
7. Pengesahan JKPTG tiada tanah milik PTP yang sesuai berkaitan perolehan tanah baharu
8. Jadual perancangan/aliran tunai (*cashflow*) projek

LAMPIRAN III

SENARAI KLASIFIKASI PEMBIAYAAN PROGRAM DAN PROJEK DI BAWAH BELANJA PEMBANGUNAN (DE) DAN BELANJA MENGURUS (OE) (DIKEMASKINI PADA 1 DISEMBER 2024)

| 1. | | BINA BAHARU | | |
|------------------|---|--|----|---|
| Bil | Keterangan | Kategori Perbelanjaan | | Contoh Projek |
| | | DE | OE | |
| (a) | Bina baharu bangunan/ infrastruktur termasuk perolehan pakej kelengkapan/ perabot dan peralatan | ✓ | | Pembinaan sekolah baharu 42 bilik darjah beserta kelengkapan perabot dan lain-lain kemudahan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pengerang Utama, Kota Tinggi, Johor |
| 2. | PEMULIHAN, PEMULIHARAAN, UBAH SUAI DAN NAIK TARAF | | | |
| DEFINISI: | | | | |
| (a) | <u>Pemulihan</u> | <ul style="list-style-type: none"> Mengembalikan keadaan fizikal dan kefungsian aset kepada asal melalui pembaikan atau/ dan penggantian yang tidak melibatkan struktur. | | |
| (b) | <u>Pemuliharaan</u> | <ul style="list-style-type: none"> Kerja yang melibatkan aset tak alih warisan termasuklah pemeliharaan, pembakar-pulih, pembinaan semula, pemulihan dan penyesuaian atau mana-mana gabungannya (sepertimana yang ditafsirkan di dalam Akta 645 yang berkuat kuasa). | | |
| (c) | <u>Ubah Suai</u> | <ul style="list-style-type: none"> Keadaan fizikal dan kefungsian aset diubah bagi memenuhi keperluan penyampaian perkhidmatan, kehendak perundangan dan kehendak pihak yang berkepentingan (<i>stakeholders</i>). Ianya tidak melibatkan perubahan struktur dan pertambahan saiz bangunan. | | |
| (d) | <u>Naik Taraf</u> | <ul style="list-style-type: none"> Keadaan fizikal dan kefungsian aset sedia ada diperingkatkan ke tahap yang lebih baik bagi memenuhi keperluan penyampaian perkhidmatan, kehendak perundangan dan kehendak pihak berkepentingan (<i>stakeholders</i>). Ianya juga melibatkan kerja mengubah struktur/ saiz sedia ada termasuk kerja peningkatan prestasi bagi sistem mekanikal/ elektrikal/ pendigitalan. | | |

| Bil | Keterangan | Kategori Perbelanjaan | | Contoh Projek |
|-----|---|-----------------------|----|--|
| | | DE | OE | |
| (a) | <p>Pemulihan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kerja pembaikan atau/dan penggantian secara one-off dan berskala besar melibatkan keseluruhan komponen/ sistem berdasarkan keperluan untuk mengembalikan fungsi aset tanpa melibatkan perubahan struktur dan pertambahan saiz ▪ Contoh Skop Kerja: <ol style="list-style-type: none"> (i) Penggantian keseluruhan bumbung (ii) Penggantian sistem lif (iii) Membaikpulih keseluruhan sistem pendawaian elektrik dan sistem pencegahan kebakaran (iv) Kerja-kerja pembaikan struktur bangunan sedia ada disebabkan mendapan tanah <p>*Nota: Kerja-kerja ini tidak melibatkan pembinaan baru</p> | ✓ | | <p>(i) Membaikpulih Struktur Bumbung Asrama Maktab Perguruan Persekutuan Pulau Pinang</p> <p>(ii) Projek Penggantian Lif Baru di Bangunan Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia</p> <p>(iii) Kerja-Kerja Penggantian Empat (4) Unit Lif Di Hospital Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu, Terengganu</p> <p>(iv) Kerja-Kerja Penggantian Lapan (8) Unit Lif Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Kompleks Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP), Kuala Lumpur</p> |
| (b) | <p>Pemuliharaan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pemuliharaan bangunan merangkumi langkah pengekalan dan pengukuhan nilai sejarah dan warisan bagi melindungi dan memanjangkan jangka hayat aset warisan ▪ Pemuliharaan boleh dilaksanakan sama ada secara menyeluruh, atau sebahagian bangunan tertakluk kepada skop kerja yang diperlukan | ✓ | | <p>(i) Projek Pemuliharaan Muzium Diraja Istana Kenagan, Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak</p> <p>(ii) Projek Pemuliharaan Masjid Ihsaniah Iskandariah, Kampung Kuala Dal, Perak</p> <p>(iii) Projek Pemuliharaan dan Naik Taraf Muzium Diraja Lama Seri Menanti, Kuala Pilah</p> <p>(iv) Pemuliharaan Rumah Api Pulau Undan, Melaka</p> |

| Bil | Keterangan | Kategori Perbelanjaan | | Contoh Projek |
|-----|---|-----------------------|--|---------------|
| | | DE | OE | |
| | <ul style="list-style-type: none"> ▪ Pelaksanaannya adalah meliputi konsep, prinsip, pendekatan pemuliharaan dan proses serta prosedur pengurusan projek pemuliharaan dan pendokumentasian yang betul berdasarkan kehendak Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) dan Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan ▪ Contoh Skop Kerja: <ul style="list-style-type: none"> (i) Kerja pembersihan dan pengantian kemasan bumbung (ii) Pembinaan semula kemasan (kelarai) facade bangunan | | | |
| (c) | <p><u>Ubah Suai:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kerja mengubah suai aset sedia ada seperti ubah suai dalaman secara one-off tanpa melibatkan perubahan struktur dan pertambahan saiz bangunan ▪ Contoh Skop Kerja: <ul style="list-style-type: none"> (i) Mengubah suai ruang kerja kepada ruang mesyuarat melibatkan perubahan pada susur atur, kemasan dan sebagainya (ii) Kerja-kerja ubahsuai dengan penambahan unit penghawa dingin (<i>split unit air-cond</i>) <p>*Nota :</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Mengubah suai fungsi ruang pejabat kepada stor (beban yang lebih besar) memerlukan perubahan reka bentuk struktur adalah dalam kategori naik taraf | ✓ | <ul style="list-style-type: none"> (i) Pengubahsuai Bilik Kebal di Pejabat Cawangan Narkotik KASTAM Kg. Jijan, Nilai, Negeri Sembilan (ii) Projek Pengubahsuai Pejabat Di Pusat Data JKDM Zon Tengah I WPKL, Kelana Jaya (iii) Kerja-Kerja Ubah Suai Ruang Pejabat Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) Cawangan JPJ Ipoh, Perak | |

| Bil | Keterangan | Kategori Perbelanjaan | | Contoh Projek |
|-----|---|-----------------------|----|---|
| | | DE | OE | |
| (d) | <p>Naik Taraf:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ Kerja-kerja menaik taraf fizikal aset sedia ada secara <i>one-off</i> ke tahap yang lebih baik (termasuk membina bangunan tambahan). Melibatkan kerja-kerja merubah struktur/ saiz sedia ada ▪ Contoh Skop Kerja: <ul style="list-style-type: none"> (i) Pertambahan saiz bangunan untuk memenuhi keperluan pertambahan kapasiti pengguna (ii) Membina blok tambahan dalam kawasan/Daftar Premis Aset (DPA) yang sama (iii) Kerja-kerja menaik taraf Sistem Audio (iv) Kerja-kerja menaiktaraf sistem penghawa dingin berpusat yang baharu (v) Kerja-kerja menaiktaraf sistem pencegahan kebakaran yang baharu | ✓ | | <ul style="list-style-type: none"> (i) Kerja-Kerja Menaiktaraf Kelab Golf Putra Di Sungai Batu Pahat, Kangar, Perlis (ii) Naik Taraf Hospital Kajang (Reka & Bina), Selangor Darul Ehsan (iii) Pembinaan Blok Tambahan Pejabat Kastam, Alor Setar Kedah (iv) Pembinaan Bangunan Tambahan Dan Naik Taraf Kemudahan Di Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail, Pengerang, Johor (v) Projek Naik Taraf Sistem Pencegahan Kebakaran Di Bangunan Ibu Pejabat JKR Malaysia |

3.

PENYENGGARAAN

DEFINISI

- Satu gabungan semua aspek teknikal dan tindakan pentadbiran yang berkaitan dengan **tujuan mengekalkan atau menjaga sesuatu binaan, sistem atau / dan peralatan supaya beroperasi mengikut fungsi yang ditetapkan** (Rujuk BS: 3811).
- Dilaksanakan bagi **mengesan, mencegah atau membaiki kerosakan/ kecacatan supaya dapat berfungsi sepenuhnya** atau bagi memastikan **prestasi aset tidak merosot** dengan cepat.
- Kerja-kerja penyenggaraan juga tidak melibatkan perubahan struktur asal bangunan.

| | | | | |
|-----|---|---|--|---|
| (a) | Kerja-kerja <u>penyenggaraan dan pembaikan kompleks/bangunan/ infrastruktur dan</u> | ✓ | | Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti Dan Kawalan Keselamatan Terminal |
|-----|---|---|--|---|

| Bil | Keterangan | Kategori Perbelanjaan | | Contoh Projek |
|-----|--|-----------------------|----|--|
| | | DE | OE | |
| | melibatkan kos melebihi RM100 juta | | | Bersepadu Selatan (TBS) Bandar Tasik Selatan |
| (b) | Penyenggaraan dan pembaikan kecil/berulang seperti mengecat, menukar lampu, kepala paip, pam tandas, wiring, siling, bumbung, dinding, pagar, kerosakan infrastruktur dan kompleks/bangunan, kemudahan mekanikal dan elektrikal termasuk penggantian kelengkapan/perabot dan peralatan | | ✓ | (i) Pembaikan Bangunan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Kerja-Kerja Penyenggaraan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Institut Latihan Perindustrian (ILP), Marang, Terengganu |
| (c) | Penyenggaraan rutin seperti <i>resurface & partial construction</i> , tampil lubang, baiki bahu jalan, garis jalan, papan tanda, kelengkapan jalan raya, membersihkan longkang tepi jalan, lampu jalan, memotong rumput, cuci perparitan dan sebagainya | | ✓ | (i) Program MARRIS JKR Penyenggaraan Sistem Pengairan dan Saliran Kawasan IADAdan Pertanian |
| (d) | Penyenggaraan secara perkhidmatan berkala /kontrak pengurusan fasiliti ke atas peralatan, kumbahan, penghawa dingin, lif, pam, eskalator, kolam air pancur, kerja-kerja pembersihan, makhluk perosak, keselamatan, haiwan, benih serta kenderaan dan jentera (termasuk kenderaan dan jentera berat), kapal, bot dan sebagainya | | ✓ | Kerja-Kerja Pembaikan Kecil Kerosakan Penyamanan Udara Di Bangunan Pejabat Tenaga Kerja Muar, Johor |
| 4. | PEROLEHAN ASET TETAP | | | |
| (a) | Perolehan tanah/tapak untuk pembangunan merangkumi kerja awalan tanah/tapak seperti pembersihan tanah, kerja ukur, penyiasatan tanah, rawatan tanah dan pemagaran | ✓ | | Pembelian Tanah (Pendidikan) Pelbagai Negeri (KPM) |
| (b) | Bayaran premium tanah bagi tujuan pembangunan termasuk bayaran tunggakan | ✓ | | |
| (c) | Perolehan bangunan sebagai program/projek pembangunan | ✓ | | (i) Projek Makanan Halal di Taman PengeluaranProduk |

| Bil | Keterangan | Kategori Perbelanjaan | | Contoh Projek |
|-----|--|-----------------------|----|---|
| | | DE | OE | |
| | | | | Usahawan (TPPU) Pedas (ii) Pembelian Bangunan Bagi Kegunaan Kompleks Penyayang Sarawak |
| 5. | PEROLEHAN HARTA MODAL | | | |
| (a) | Perolehan peralatan dan kelengkapan pejabat (secara pakej/bersekali dengan bangunan/infrastruktur) | √ | | Pembinaan sekolah baharu 42 bilik darjah beserta kelengkapan perabot dan lain-lain kemudahan di Sekolah Menengah Kebangsaan Pengerang Utama, Kota Tinggi, Johor |
| (b) | Perolehan peralatan dan mesin baharu/menaik taraf peralatan sebagai program/ projek pembangunan | √ | | (i) Peralatan dan Kenderaan (KKM) (ii) Perolehan Peralatan Saintifik (MOSTI) Menaik Taraf Konsol Kawalan Reaktor (MOSTI) |
| (c) | Perolehan kenderaan bagi tujuan operasi seperti kereta peronda polis, kereta bomba, JJP dan ambulan | √ | | (i) Perolehan Kereta Peronda Polis (MPV) Jenis 4WD Peralatan dan Kenderaan (KKM) |
| (d) | Perolehan haiwan, pokok & benih berkaitan pembangunan seperti pembelian baka ikan untuk pengeluaran benih dan pemprosesan ikan | √ | | Pengeluaran Bibit dan Baka Lembu (MOA) |
| (e) | Perolehan kapal, bot, helikopter, kapal terbang, kapal selam | √ | | Kelengkapan(MINDEF/TUDM) |
| (f) | Perolehan kenderaan pejabat seperti kereta, bas dan coaster (urusan pentadbiran) | | √ | One-off kenderaan/ jentera - Pembelian kenderaan pejabat |
| (g) | Perolehan penggantian/tambahan peralatan & kelengkapan pejabat (bukan secara pakej dengan bangunan/infrastruktur) | | √ | One-off harta modal -Pembelian 10 unit komputer |
| (h) | Perolehan pokok dan benih yang tidak berkaitan dengan pembangunan seperti untuk hiasan pejabat | | √ | Senggaraan Lanskap Pejabat |

| Bil | Keterangan | Kategori Perbelanjaan | | Contoh Projek |
|--|--|-----------------------|----|---|
| | | DE | OE | |
| 6. PEMBANGUNAN MODAL INSAN/LATIHAN | | | | |
| (a) | Perbelanjaan yang melibatkan pembangunan modal insan kumpulan sasar | ✓ | | (i) Projek Skim Geran Galakan Untuk Orang Kurang Upaya (OKU) (ii) Skim Kemahiran & Kerjaya 1Malaysia |
| (b) | Perbelanjaan yang melibatkan peningkatan kapasiti kakitangan Kementerian/Jabatan dalam dan luar negara | | ✓ | Seminar, persidangan, kursus dan sebagainya |
| 7. PERBELANJAAN BERKAITAN PPP/PFI | | | | |
| (a) | Bayaran Availability Charges PPP/PFI Pajakan bangunan | ✓ | | (Mesyuarat Jawatankuasa Fiskal pada 22 Jun 2013 memutuskan dibiayai di bawah DE mulai 2015) |
| (b) | Bayaran projek-projek PPP/PFI. ▪ Maintenance ▪ Asset Replacement ▪ Others | | ✓ | Bayaran CAPEX PFI/PPP |
| 8. TEKNOLOGI MAKLUMAT/ PENDIGITALAN | | | | |
| (a) | Pembangunan sistem dan fi/yuran langganan/ lesen perisian secara program/ pakej | ✓ | | |
| (b) | Penyenggaraan sistem dan fi/yuran langganan/ lesen perisian bukan secara program/pakej | | ✓ | |
| (c) | Perolehan perkhidmatan ICT | | ✓ | |
| 9. PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN | | | | |
| (a) | Dana & tabung seperti Dana Pelaburan Strategi, Techno Fund dan Science Fund | ✓ | | Dana untuk pemangkin Inovasi & Penyelidikan & Pembangunan |
| (b) | Program Pemasaran Khas Yang Dikenal Pasti yang menyumbang kepada KDNK (pelancongan & pelaburan) | ✓ | | (i) Program promosi pelancongan (MOTAC) (ii) Program penggalakan pelaburan |
| (c) | Ekuiti dan pelbagai suntikan modal | ✓ | | Dana Ekuiti Nasional Berhad |

| Bil | Keterangan | Kategori Perbelanjaan | | Contoh Projek |
|-----|--|-----------------------|----|---|
| | | DE | OE | |
| (d) | Kajian dan bayaran pakar perunding untuk projek pembangunan fizikal dan bukan fizikal | ✓ | | Kajian Kejuruteraan <i>Rapid Transit System</i> |
| (e) | Penglibatan dalam aktiviti promosi dan pemasaran di dalam dan luar negara | | ✓ | (i) Dubai Expo (ii) MIHAS |
| (f) | Sewaan dan pajakan (selain PPP/PFI) | | ✓ | Sewaan bangunan UTC/RTC |
| (g) | Bayaran bil utiliti | | ✓ | Kos Operasi &Penyenggaraan Lampu Jalan Kampung KKLW |
| (h) | Bayaran pampasan/ganti rugi yang ditanggung oleh Kerajaan | | ✓ | |
| (i) | Perolehan bahan bercetak, bahan mentah, bahan pakai buang dan seumpamanya | | ✓ | |
| (j) | Tuntutan perjalanan dalam dan luar negara | | ✓ | |
| (k) | Penganjuran masjils perasmian/ pecah tanah projek pembangunan | | ✓ | |
| (l) | Bayaran emolumen, elaun dan bantuan tunai kakitangan termasuk kakitangan lantikan kontrak/segmentara | | ✓ | |

LAMPIRAN IV

DOKUMEN RUJUKAN DALAM PERANCANGAN PROJEK PEMBANGUNAN

- (1) Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850]
- (2) Akta Kualiti Alam Sekitar, 1974 (Pindaan 1985), Seksyen 34A - Laporan mengenai kesan kepada alam sekeliling akibat aktiviti yang ditetapkan (*Environment Impact Assessment - EIA*)
- (3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Pindaan 2017), Seksyen 20B - Laporan Penilaian Impak Sosial (*Social Impact Assessment - SIA*)
- (4) Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bil. 1 Tahun 2009: Garis Panduan Perancangan dan Penyediaan Projek Pembangunan
- (5) Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bil. 2 Tahun 2009: Garis Panduan dan Peraturan Pemilihan Tapak dan Keperluan Peralatan
- (6) Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bil. 1 Tahun 2015: Penambahbaikan Pelaksanaan Pengurusan Nilai dan Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan dalam Program/Projek Kerajaan Persekutuan
- (7) Pekeliling Pesuruhjaya Tanah Persekutuan Bil. 3 Tahun 2008: Fungsi Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, Peranan Kementerian/Jabatan Pengguna dalam Perolehan Tanah untuk Kegunaan Kerajaan Persekutuan dan Pengurusan Tanah-tanah Persekutuan Selepas Perolehan
- (8) Arahan Perbendaharaan 182, Kerja-Kerja bagi Jabatan Bukan Teknik
- (9) Arahan No. 1 2022: Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara

- (10) Arahan MKN No 26: Pengurusan Keselamatan Siber Negara
- (11) Pekeliling Perbendaharaan PK 1.1 Punca Kuasa, Prinsip dan Dasar Perolehan Kerajaan (Kemaskini 1 Julai 2022)
- (12) Pekeliling Perbendaharaan PB 1.3 Garis Panduan Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2023
- (13) Pekeliling Perbendaharaan PK 1.4 Pelaksanaan Sistem Binaan Berindustri (IBS) dalam Projek Kerajaan (Kuat Kuasa pada 15 Januari 2020)
- (14) Pekeliling Perbendaharaan PK 1.7 Dasar dan Garis Panduan Program Kolaborasi Industri (Industrial Collaboration Programme - ICP) dalam Perolehan Kerajaan
- (15) Pekeliling Perbendaharaan PK 2.1 Kaedah Perolehan Kerajaan (Pindaan 1 Ogos 2022) Perenggan 15 - Tatacara Pembelian Tanah daripada Orang Perseorangan, Syarikat dan Perbadanan
- (16) Pekeliling Perbendaharaan PK 3.0 Perolehan Perunding
- (17) Pekeliling Perbendaharaan PK 7.0 Pengecualian Daripada Tatacara Perolehan Kerajaan
- (18) Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2021, Dasar Perkhidmatan Pengkomputaran Sektor Awam
- (19) Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2021 Manual Pengurusan Aset Menyeluruh Kerajaan Versi 2.0
- (20) Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2021 Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan

- (21) Pekeliling Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri Bil. 1 Tahun 2009: Garis Panduan Kerjasama Awam Swasta
- (22) Pekeliling Perolehan Kerajaan, PK1.10 tahun 2020 - Pelaksanaan Sistem Binaan Berindustri (IBS)
- (23) Pekeliling Perolehan Kerajaan, PK1.11 tahun 2020 - Pelaksanaan *Pre-Approved Plan* (PAP)
- (24) Pekeliling Perolehan Kerajaan berkaitan pelaksanaan BIM bagi projek Kerajaan yang akan dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan
- (25) Pekeliling Perbendaharaan Bab Perolehan Kerajaan (PK 1.3) Bab Perolehan Kerajaan (PK) Dalam Perjanjian Perdagangan Bebas (Free Trade Agreement - FTA)
- (26) Surat Pekeliling Am Bil 3 Tahun 2015 Garis Panduan Permohonan Kelulusan Teknikal dan Pemantauan Projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Agensi Sektor Awam
- (27) Surat Pekeliling Am Bil. 1 Tahun 2019 berkaitan Pelaksanaan Pembanding Sektor Awam (*Public Service Comparator* - PSC) dalam Projek Pembangunan Fizikal Kerajaan Persekutuan
- (28) Surat Arahan KSN rujukan EPU.(S).12-12/15/44 Jld.1 sk.(1)(5) bertarikh 4 Oktober 2022 bertajuk 'Penyediaan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12), 2021-2025'
- (29) Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025
- (30) Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia
- (31) Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara
- (32) Strategi Keselamatan Siber Malaysia, 2020-2024

- (33) Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025: Prospek Ekonomi, Kerangka Keberhasilan Bersepadu Nasional serta Perancangan dan Pelaksanaan Projek Pembangunan
- (34) Garis Panduan Pelaporan Prestasi Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), 2021-2025
- (35) Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos (JSK) Tahun 2015
- (36) Garis Panduan Perlindungan, Pengalihan dan Pemasangan Semula Utiliti dalam Pelaksanaan Program dan Projek Kerajaan
- (37) Panduan Pemakaian Inisiatif *Value at Entry* (ACAT, VMS, GN0) di Fasa Perancangan oleh Agensi Pelanggan
- (38) Panduan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau - Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan
- (39) Dasar semasa negara seperti Agenda Pembangunan Mampan 2030 (SDG 2030), Dasar Tenaga Negara dan lain-lain dasar yang berkaitan
- (40) Lain-lain arahan, pekeliling dan garis panduan Kerajaan yang berkuat kuasa.

TATACARA PERMOHONAN PROGRAM BERKAITAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN, PENGKOMERSIALAN DAN INOVASI (R&D&C&I)

1. Kementerian/Jabatan hendaklah mematuhi tatacara bagi permohonan program/projek berkaitan penyelidikan dan pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan projek dan program.
2. Sebagai panduan, projek dan program R&D&C&I adalah merujuk perkara yang berikut:

(a) Definisi

- i. **Penyelidikan dan pembangunan (R&D)** merangkumi kerja kreatif dan sistematik yang dijalankan untuk **meningkatkan stok pengetahuan**—termasuk pengetahuan tentang manusia, budaya dan masyarakat—serta untuk merancang pendekatan atau aplikasi baharu berdasarkan pengetahuan yang ada. Ia harus memenuhi lima (5) kriteria teras iaitu *novel*, kreatif, sistematik dan boleh dipindahkan dan/atau boleh dihasilkan semula. Skop aktiviti R&D boleh dibahagikan kepada tiga (3) kategori iaitu:
 - **penyelidikan asas** - bertujuan untuk memperoleh pengetahuan atau pemahaman baru tanpa aplikasi atau penggunaan komersial segera yang khusus;
 - **penyelidikan gunaan** - aktiviti yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah tertentu atau mencapai objektif komersial tertentu; dan
 - **pembangunan eksperimental** - kerja sistematik yang berdasarkan penyelidikan dan pengalaman praktikal yang menghasilkan pengetahuan tambahan, yang ditujukan untuk menghasilkan produk atau proses baru atau untuk memperbaiki produk atau proses yang sedia ada.
- ii. **Pengkomersialan** merujuk kepada proses **menjana keuntungan daripada pendapatan atau penjimatan**, sama ada secara langsung atau tidak langsung, melalui idea, penyelidikan, ciptaan, kreativiti, dan inovasi. Ini dilakukan dalam bentuk produk, perkhidmatan, teknologi, proses, atau sistem organisasi yang dipasarkan melalui kaedah pengkomersialan

seperti jualan, pelesenan, pemindahan hak, *spin-off*, pembuatan, pembungkusan, usaha sama, francais, dan lain-lain.

- iii. **Inovasi** merujuk kepada kaedah untuk **menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik, sama ada melalui pengubahsuaian atau penambahbaikan**. Ini terhasil daripada idea kreatif dan inovatif dalam apa-apa aspek kerja yang boleh meningkatkan kualiti dan produktiviti. Inovasi boleh merangkumi perubahan dalam sistem dan prosedur, kaedah, dan cara bekerja, serta pengenalan teknologi baharu.

(b) Bidang bitara

Bidang bitara akan ditetapkan setiap lima tahun, sejajar dengan matlamat dan hala tuju pembangunan nasional dan diperincikan dalam dokumen Rancangan Malaysia.

- 3. Semua permohonan projek dan program R&D&C&I hendaklah dirujuk kepada Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU) Bahagian Industri Pembuatan, Sains dan Teknologi (BIPST), Kementerian Ekonomi terlebih dahulu untuk semakan awal sebelum dipohon di dalam sistem MyProjek.
- 4. Kementerian hendaklah **memastikan Jenis Kategori Projek telah ditandakan sebagai “R&D&C&I – Fizikal”** (contoh: pembangunan prototaip, pembangunan loji rintis.dll) atau **“R&D&C&I – Bukan Fizikal”** (contoh: kajian makmal, dana.dll) semasa membuat permohonan di dalam sistem MyProjek. **Kegagalan menandakan Jenis Kategori Projek dengan betul boleh menyebabkan permohonan projek atau program yang dibuat tidak dapat dipertimbangkan.**
- 5. Semua permohonan projek dan program R&D&C&I yang telah dipohon di dalam sistem MyProjek akan **diperiksa oleh Jawatankuasa Penilaian Projek/Program Penyelidikan (JK3P)** yang diurussetiakan oleh RMU, BIPST. Kementerian/Jabatan/Agensi pemohon hendaklah bersedia untuk membentangkan permohonan masing-masing dalam mesyuarat JK3P. Dalam hubungan ini, Kementerian/Jabatan/Agensi pemohon perlu mengemukakan maklumat-maklumat yang diperlukan untuk pertimbangan JK3P seperti mana yang ditetapkan oleh RMU, BIPST.